



Buku yang bertajuk **Pencemaran Udara: Masalah Dan Penyelesaian** yang ditulis oleh **J.S Kidd** dan **Renee A.Kidd** membincangkan tentang hasil produk sains dan teknologi mempengaruhi kehidupan semua lapisan masyarakat termasuklah golongan muda. Kaedah baharu komunikasi dan pengangkutan, cara baharu menjalankan kerja dan berekreasi, makanan baharu malah ubat-ubatan baharu muncul hampir setiap hari. Sains turut memberikan cara baharu dalam melihat dunia dan penghuninya. Namun sains juga telah menyebabkan nilai moral dan etika menjadi suatu isu yang membimbangkan.

Isu-isu alam sekitar dan persekitaran berhubung rapat dengan kehidupan manusia masa kini dan yang lebih pentingnya untuk generasi masa hadapan. Sumber alam perlu dipelihara kerana isu kepupusan dan pengurangan sumber. Jika sumber alam sekitar boleh diperbaharui, ia akan mengambil masa yang lama. Proses ini memerlukan pengurusan sistem pemuliharaan yang strategik dan pengurusan bersepadu yang kukuh. Walaupun ia boleh dilaksanakan tetapi berlaku peningkatan kos pengurusan alam sekitar pada masa hadapan dan dengan itu juga kita perlu membuat pilihan antara memulihara atau membiarkan kepupusan sumber ini terjadi dengan peningkatan berterusan dalam masalah alam sekitar. Persekitaran akuatik seperti sungai, lautan dan tanah lembap adalah nadi kepada pemuliharaan alam sekitar dan masalah pemuliharaan ekosistem sungai dan pemeliharaan makroinvertebrat dan alga juga amat penting ditonjolkan. Begitulah juga tanah lembap atau paya, yang banyak dilihat sebagai aset tidak ekonomi dari perspektif pembangunan fizikal untuk kemajuan perindustrian dan penempatan manusia di era globalisasi.

Kepupusan tanah lembap dan paya di banyak negara termasuk Malaysia kerana tekanan pembangunan fizikal dan infrastruktur tidak mungkin dapat dikembalikan. Lebihan tanah paya yang wujud itu perlulah dipelihara supaya tidak diteruskan permusnahan di atas sebab pembangunan. Pencemaran laut kerana aktiviti ekonomi dan gaya hidup moden juga menyebabkan kehilangan ekosistem lautan yang dahsyat. Negara-negara yang bergantung kepada aktiviti ekonomi daripadanya, termasuklah Malaysia, sudah pun terjejas. Begitulah juga dengan persekitaran daratan yang menunjukkan masalah yang besar terutama di negara maju yang mempunyai nilai ecological foot-print yang rendah yang menunjukkan impak buruk kemusnahan sumber alam yang tidak lagi dapat diperbaharui. Kesemuanya ini memerlukan kecekapan dan kesepakatan pengurusan yang sistematik dan bersepadu melalui kaedah dan pendekatan yang pelbagai.

Menangani semua perubahan itu menuntut semangat yang kental. Penyesuaian yang perlu dibuat bergantung pada pengetahuan tentang fungsi sains dan teknologi serta peranan penyelidik dan jurutera yang menjalankan kajian mahupun yang mencipta produk. Lantaran itu, hampir semua hubungan antara penduduk dengan ahli sains tidak bersifat peribadi. Misalnya, hala tuju kajian dalam bidang sains khusus kini ditentukan menerusi rundingan antara ketua projek penyelidikan dengan pegawai kerajaan.

Nur Auni Najwa binti Ahmad Asmadi (auninajwa1@gmail.com)
Safariza binti Abu Bakar (safariza@doe.gov.my)
JAS Negeri Kelantan